



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

**KETUA EKSEKUTIF**

**CHIEF EXECUTIVE**

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran

*Skills Development Fund Corporation*

Kementerian Sumber Manusia

*Ministry of Human Resources*

Pejabat Ketua Eksekutif

Aras 27, Menara Dato' Onn

Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)

No. 45, Jalan Tun Ismail, 50530 Kuala Lumpur



Telefon : 03 – 4047 6008  
Faks : 03 – 4047 6108  
E-mel : [skillsfund@ptpk.gov.my](mailto:skillsfund@ptpk.gov.my)  
Laman Web : <http://www.ptpk.gov.my>

Rujukan Kami : PTPK.PLS.600-1/9 JLD 4 ( 57 )

Tarikh : / September 2022

Ketua Eksekutif/ Pengarah/ Pengurus  
Penyedia Latihan

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PENGECUALIAN SYARAT PENDAPATAN KASAR  
KELUARGA PINJAMAN LATIHAN KEMAHIRAN ISLAMIK (PLK-i)  
PERBADANAN TABUNG PEMBANGUNAN KEMAHIRAN (PTPK)  
BAGI TAHUN 2023**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah PTPK Bilangan 3 tahun 2022 pada 25 Ogos 2022 telah **meluluskan** pengecualian syarat pendapatan kasar keluarga Pinjaman Latihan Kemahiran Islamik (PLK-i) Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) bagi tahun 2023. Walau bagaimanapun, syarat-syarat lain yang telah ditetapkan sebelum ini adalah masih dikekalkan.

3. Sehubungan dengan itu, pengecualian syarat pendapatan kasar keluarga PLK-i PTPK bagi tahun 2023 adalah berkuat kuasa bermula **1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2023** sahaja.

4. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato' / Datin/ tuan/ puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

***“Pekerja Tonggak Keluarga Malaysia Dalam Pemulihan Negara”***

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD FATHULLAH BIN MUSTAFA)**

Ketua Eksekutif

Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran